

29/10/1998

Pameran besar-besaran sempena sidang Apec

Jamudin Idris

PADA 17 Oktober lalu, jam 8.00 malam, satu pratonton eksklusif pameran lukisan *The Journey of Malaysian Art*, diadakan di Galeri Anugerah, Taman Seri Ampang, Selangor.

Pratonton itu untuk pameran sebenar yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 14 hingga 18 November, sempena persidangan Apec Business Summit.

Pratonton itu turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, wakil kedutaan asing, pengumpul karya seni, wakil media dan sebahagian pelukis yang mengambil bahagian pada pameran itu.

Meskipun tarikh akhir penghantaran karya sudah lama berakhir (15 Oktober) tetapi masih ramai pelukis menghantar karya mereka pada saat akhir. Sehingga ini lebih 200 pelukis sudah menghantar karya mereka.

"Galeri Anugerah ingin menjadikan pameran ini sebagai satu pameran lukisan terbesar tanah air, dengan itu penyertaan lebih ramai pelukis diperlukan," kata Pengarah Urusan Galeri Anugerah, Ferri Anugerah Makmur.

Ferri berkata, bagi memberi peluang kepada seramai mungkin pelukis, tarikh penerimaan lukisan dilanjutkan hingga minggu pertama bulan November.

Pameran itu akan dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu pertama, dari kolektor untuk pameran saja, kedua lukisan dari kolektor untuk jualan dan ketiga lukisan dari pelukis sendiri untuk jualan.

Pameran ini dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 November. Ia dijangka dihadiri 1,500 ketua pegawai eksekutif syarikat gergasi dunia.

Pameran mulai 14 hingga 16 November di ruang legar, Dewan Merdeka, Aras Empat PWTC diadakan secara tertutup manakala pameran mulai 17 hingga 18 November dibuka untuk umum.

Bagi Galeri Anugerah, pameran ini amat bermakna kerana ia adalah satu rekod pameran yang sudah lama diidamkan banyak galeri lukisan tempatan.

Ferri percaya pemilihan syarikatnya kerana pengalaman Pameran Persidangan Agung Umno (1995), Pameran Sambutan Ulang Tahun Umno ke-50 (1996) dan Pameran Lima (Langkawi pada 1997).

Lukisan yang dipamerkan mencapai harga RM160,000 dan karya diinsurankan sehingga RM3 juta. Kepelbagaian media yang digunakan pelukis dapat diperhatikan pada pameran ini.

Pada pratonton lalu dapat dilihat karya pelukis terkenal seperti karya Datuk Ibrahim Hussein, Abdul Latiff Mohidin, Redza Priyadasa, Fauzan Omar, Norma Abas dan Sylvia Goh.

Pelukis yang turut hadir untuk memeriahkan malam pratonton ialah Ilse Nor, Dr Chew Teng Beng, Samsudin Mohd, Ahmad Azhari, Hendrick Nicholis, Adzley Aziz, Suzlee Ibrahim dan ramai lagi.

Suzlee, seorang pelukis abstrak ekspresionis tanah air yang terkenal dengan siri *Movement* turut mengambil bahagian. Pada pameran ini Suzlee akan mempamerkan karya yang dianggapnya sebagai maha karya bertajuk *Camouflage* yang dihasilkan pada 1996/97 dan menjadi karya terbaik yang pernah dihasilkannya.

"Karya yang akan dipamerkan bakal ditonton oleh pemimpin dunia yang menghadiri sidang Apec. Oleh itu, pelukis patut mengemukakan yang terbaik," katanya.

Hampir keseluruhan pelukis yang hadir malam itu berharap pameran ini dapat mencapai matlamatnya untuk memperkenalkan karya seni tampak tempatan

ke peringkat antarabangsa, sekali gus mengangkat martabat seni tampak negara di mata dunia.

Seorang pelukis terkenal bertanya kepada saya: Apa yang dilakukan orang sastera sempena persidangan penting ini bagi memperkenalkan sastera Malaysia ke mata dunia?

(END)